



KETUA PENDAFTAR
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
REGISTRAR GENERAL
PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department Of Higher Education
Kementerian Pengajian Tinggi
Ministry of Higher Education Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

Tel: 603-88706439
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT/GS 1000-606 Jld. 2 (37)
Tarikh : 8 Januari 2021

SEMUA KETUA EKSEKUTIF INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

KEMASUKAN PELAJAR LULUSAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) (TAHAP 3 MQF) KE PERINGKAT DIPLOMA (TAHAP 4 MQF) ATAU YANG SETARA DENGANNYA DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurus perdana program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), pelbagai langkah telah diambil oleh Kementerian Pengajian Tinggi bagi menyokong aspirasi kerajaan. Salah satu usaha yang telah dijalankan adalah dengan memperkenalkan pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang bertujuan untuk memperkukuh sektor TVET sedia ada dan akan digunakan dalam menilai serta memberi perakuan akreditasi kepada program-program TVET yang ditawarkan oleh penyedia TVET. Dalam hal berkaitan, Kementerian menyedari bahawa Penglibatan IPTS dalam memastikan kesinambungan kepada pelaksanaan dasar tersebut adalah sangat penting bagi memberikan peluang laluan pendidikan tinggi yang lebih banyak kepada graduan lepasan SKM.

3. Selaras dengan penambahbaikan laluan graduan TVET melalui sembilan (9) Prinsip Artikulasi TVET yang telah diperkenalkan, pelaksanaan kemasukan pelajar lulusan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) (Tahap 3 MQF) ke peringkat Diploma (Tahap 4 MQF) atau yang setara dengannya di IPTS adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

3.1 Syarat Utama:

IPTS dibenarkan mengambil pelajar lulusan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) (Tahap 3 MQF) untuk menyambung pengajian ke peringkat

Diploma (Tahap 4 MQF) atau yang setara dengannya tertakluk kepada **kelulusan Senat/ Lembaga Akademik** institusi masing-masing. IPTS adalah dibenarkan untuk mengambil **pelajar lulusan program SKM yang telah mendapat perakuan akreditasi penuh** daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau badan akreditasi lain yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

3.2 Bidang

Pelajar boleh menyambung pengajian dalam kursus pengajian sama ada berbentuk akademik atau TVET.

3.3 Program Pengukuhan (*Bridging*)

IPTS perlu melaksanakan program pengukuhan mengikut kesesuaian dalam tempoh pelajar mengikuti pengajian sebagai tambahan kepada komponen kurikulum sedia ada. Tempoh program pengukuhan yang dilaksanakan oleh IPTS hendaklah **tidak melebihi satu (1) tahun atau dua (2) semester pengajian**.

3.4 Pemindahan Kredit

IPTS boleh mempertimbangkan pemindahan kredit kepada pelajar mengikut kesesuaian tertakluk kepada dasar pindah kredit sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

3.5 Kelayakan masuk

- a. Syarat minimum ke peringkat Diploma (Tahap 4, MQF) atau yang setara dengannya adalah lulus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) (Tahap 3 MQF) tertakluk kepada kelulusan Senat/ Lembaga Akademik institusi berkaitan.


4. Pemakaian syarat kemasukan pelajar lulusan SKM ini ke peringkat Diploma (Tahap 4 MQF) atau yang setara dengannya di IPTS adalah **berkuat kuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan**.

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DATO' SERI DR. MOHAMED MUSTAFA BIN ISHAK)

Ketua Pendaftar

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi

s.k.:

- 1) Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi
- 2) Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Tingkat 7-8, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 **PUTRAJAYA**
- 3) Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia
Mercury MQA
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya, **SELANGOR**
- 4) Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 **KUALA LUMPUR**

- 5) Pengarah
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5 & 6, Blok E14, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 **PUTRAJAYA**
- 6) Pengarah
Bahagian Governan IPTS
Jabatan Pendidikan Tinggi
- 7) Pengarah
Bahagian Standard Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi
- 8) Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat
Jabatan Pendidikan Tinggi